



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
NIK AZAM BIN NIK ABDULLAH
TOKOH SENI DIKIR BARAT

OLEH:

MUHAMMAD HAMDI BIN AHMAD MORTZA	2022900945
WAN AMIRUL ANWAR BIN WAN SABRI	2022905167

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2023 – JULAI 2023)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
NIK AZAM BIN NIK ABDULLAH
TOKOH SENI DIKIR BARAT

OLEH:

MUHAMMAD HAMDI BIN AHMAD MORTZA	2022900945
WAN AMIRUL ANWAR BIN WAN SABRI	2022905167

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalammualaikum w.b.t. Alhamdullilah. Pertama, segala puji bagi Allah S.W.T atas keberkatan-Nya telah member kami kekuatan dan pengetahuan untuk menyelesaikan tugasan kumpulan ini. Dengan keizinananya juga kami berjaya menyiapkan kerja ini dengan sebaiknya pada waktu yang ditetapkan. Kami ingin memberikan penghargaan sepenuhnya kepada ibu bapa dan ahli keluarga kami kerana memahami dan menyokong kami dalam menyelesaikan tugasan ini dengan jayanya.

Kedua, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Nurulannisa binti Abdullah, pensyarah kami bagi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) kerana member kami garis panduan yang baik untuk tugasan serta memberikan sokongan, kesabaran yang tinggi dan panduan untuk kami menyelesaikan tugasan ini. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membimbing kami secara langsung atau tidak langsung dalam menulis tugasan ini.

Ketiga, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tak terhingga kepada Nik Azam bin Nik Abdullah bagi meluangkan masa beliau dan memberikan kerjasama yang sepenuhnya dalam membantu kami menyempurkan projek ini.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan sekelas kami atas motivasi mereka dan ikhlas membantu kami semasa belajar. Tidak dilupakan juga memberi kami sokongan dan pengetahuan yang dikongsi kepada kami sehingga kami dapat menyelesaikan tugasan ini. Terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini dilakukan bersama ketua kumpulan pasukan Seruling Kasih Makmur Gold iaitu Nik Azam bin Nik Abdullah untuk mengetahui tentang pengalaman, sumbangan dan anugerah yang telah beliau dapatkan sepanjang berada di dalam seni dikir barat ini. Temubual ini telah dijalankan di rumahnya di Kampung Geting, Tumpat, Kelantan. Tarikh temubual tersebut adalah pada 6 Julai 2023 bermula pada jam 3.00 petang hingga 4.00 petang. Nik Azam bin Nik Abdullah atau dikenali sebagai Ajea mula mencuburi dalam dari tahun 1997 sehingga kini. Beliau merupakan tokoh dikir barat yang tegas dan berwibawa dalam menghasilkan sesebuah karya yang berkualiti tinggi. Beliau juga merupakan penyanyi, Tok Jogho dan penggubah lagu seni dikir barat di kumpulan beliau. Beliau telah memenangkan pelbagai anugerah bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah lebih tinggi lagi iaitu ASEAN. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Nik Azam bin Nik Abdullah. Pengalaman hidup dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.

Kata kunci: Tokoh, Seni dikir barat, Tok Jogho, Seruling Kasih Makmur Gold, Kampung Geting,

ABSTRACT

Abstract: This interview was conducted with the leader of the Seruling Kasih Makmur Gold team, Nik Azam bin Nik Abdullah, to learn about his experiences, contributions, and awards in the Dikir Barat art. The interview took place at his home in Kampung Geting, Tumpat, Kelantan. The interview date was on July 6, 2023, starting at 3:00 PM and ending at 4:00 PM. Nik Azam bin Nik Abdullah, also known as Ajea, started delving into this field in 1997 and has been actively involved until now. He is a prominent figure in Dikir barat, known for his firmness and authority in producing high-quality works. Nik Azam bin Nik Abdullah is not only a singer, but also a Tok Jogho, and composer of Dikir barat songs within his group. He has also faced various challenges and obstacles. His life experiences and career can serve as an inspiration to everyone.

Keyword: Figure, Dikir Barat Art, Tok Jogho, Seruling Kasih Makmur Gold, Kampung Geting,

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA
	SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Isi Kandungan.....	iii
Biodata Penemubual.....	iv - v
Biodata Tokoh.....	vi
Pengenalan.....	vii
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	05
Bahagian 3: Pengalaman Pendidikan Seni.....	10
Bahagian 4: Pengalaman Kerjaya.....	19
Bahagian 5: Anugerah Dan Pencapaian.....	25
Bahagian 6: Sumbangan.....	28
Bahagian 7: Harapan Dan Nasihat.....	29
Lampiran	
Log Wawancara.....	31
Diari Kajian.....	44
Senarai soalan.....	45
Surat Perjanjian.....	51
Sijil Penghargaan.....	52
Gambar.....	53
Indeks.....	56

BIODATA

PENEMUBUAL

BIODATA PENEMUBUAL 1



NAMA : WAN AMIRUL ANWAR BIN WAN SABRI

TARIKH LAHIR :

TEMPAT LAHIR : Kuala Lumpur

ALAMAT : Kuala Lumpur, Wilayah Kuala Lumpur.

NO. TELEFON :

EMAIL :

PROGRAM : Sarjana Muda Sains Pengurusan Maklumat (Kepujian)
(Pengurusan Sistem)

BIODATA PENEMUBUAL 2



NAMA : MUHAMMAD HAMDI BIN AHMAD MORTZA

TARIKH LAHIR

TEMPAT LAHIR: Kota Bharu, Kelantan

ALAMAT : Kota Bharu, Kelantan

NO. TELEFON :

EMAIL :

PROGRAM : Sarjana Muda Sains Pengurusan Maklumat (Kepujian)
(Pengurusan Sistem)

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



NAMA	: NIK AZAM BIN NIK ABDULLAH
NAMA PANGGILAN	: Ajea Geting
UMUR	: 36 Tahun
TARIKH LAHIR	:
PEKERJAAN	: Guru Dikir Barat dan Penyanyi
BIDANG	: Seni Tradisional Dikir Barat
TEMPAT TINGGAL	: Tumpat, Kelantan
TEMPAT LAHIR	: Tumpat, Kelantan
NO. TELEFON	:

PENGENALAN

PENGENALAN

Seni Tradisional Dikir Barat merupakan salah satu warisan budaya yang kaya dan mengagumkan di Malaysia. Dengan sejarah yang panjang dan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat, seni ini telah memikat hati banyak orang sejak berabad-abad yang lalu. Dalam pengenalan ini, kita akan menjelajahi asal-usul, unsur-unsur penting, keindahan dan keunikan, serta peranan seni tradisional Dikir Barat dalam memperkaya kehidupan budaya masyarakat. Seni tradisional Dikir Barat berasal dari kelompok masyarakat di wilayah pantai barat Semenanjung Malaysia. Secara harfiah, "Dikir" berarti berkumpul bersama untuk menyanyikan lagu-lagu tradisional sambil memainkan alat musik tradisional. Unsur yang paling mencolok dalam seni ini adalah penggunaan vokal polifoni, yaitu menyanyikan lagu dengan irama yang kompleks dan harmoni yang indah. Dalam pelaksanaannya, Dikir Barat melibatkan paduan suara kelompok yang terdiri dari pria dan wanita yang berdiri berjejer, sambil diiringi oleh irama alat musik seperti rebana, gendang, gong, dan serunai.

Keindahan seni tradisional Dikir Barat juga tercermin dalam tarian yang mengiringinya. Gerakan tarian yang dinamis dan ritmis menggambarkan kegembiraan dan semangat yang tinggi. Selain itu, penampilan warna-warni dan busana tradisional yang dipakai oleh para penari dan pemain musik menambahkan pesona visual yang memikat. Kesenian ini tidak hanya memikat pendengar, tetapi juga mata penonton. Dengan terus menjaga, mempromosikan, dan mengapresiasi seni tradisional Dikir Barat, kita dapat memastikan bahwa kekayaan budaya ini akan terus menyala dan memberi inspirasi kepada generasi mendatang.

Dengan itu, hasil wawancara bersama tokoh dikir barat yang telah memenangi banyak anugerah di pelbagai peringkat antaranya Asean, Kebangsaan dan lain-lain iaitu Nik Azam Bin Nik Abdullah. Beliau merupakan ketua kumpulan dan pembimbing Kumpulan Seruling Kasih Makmur Gold dan seorang guru nyanyian dikir barat dalam bidang seni tradisional ini. Selain itu, hasil wawancara ini juga banyak memberikan maklumat yang bermanfaat dalam bidang seni khususnya di Malaysia.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni dikir barat. Bersama – sama kami ialah tuan Nik Azam Bin Nik Abdullah yang merupakan seorang tokoh dalam seni dikir barat dari tahun 1997 hingga sekarang (2023). Rakaman ini dijalankan pada Tarikh 6 / 7 / 2023 bertempat di rumahnya Tumpat. Temubual ini dikendalikan oleh Wan Amirul Anwar Bin Wan Sabri dan Muhammad Hamdi Bin Ahmad Mortza. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

NA : Tuan Nik Azam
WA : Wan Amirul Anwar
MH : Muhammad Hamdi

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG

MH : Dalam bahagian A, latar belakang.
WA : **Okay ye [baiklah], apakah nama penuh tuan?**
NA : [Bunyi motorsikal] nama penuh saya Nik Azam Bin Nik Abdullah.

WA : **Okay, yang kedua, apakah nama gelaran yang diberikan?**
NA : Nama gelaran yang diberi Ajea Geting.
WA : Ajea Geting...
NA : Sempena nama kampung **deh** [kan].
WA : **Hm...** [mengangguk]
WA : **Berapa umur tuan pada tahun ini?**
NA : Umur pada tahun ini **aah...** [adalah] **tiga puluh ena** [36].

- WA : Tiga puluh *ena*... [enam]
- NA : Tiga puluh *ena* [enam] tahun.
- WA : *Okay*. [baiklah] [mengangguk]
- WA : **Tarikh bilakah tuan lahir?**
- NA : Tarikh lahir *lima haribulan empat, Sembilan belas lapan tujuh* [5. 4. 1987]
[Bunyi kenderaan lalu] *hm*... [bersihkan tekak]
- WA : *Okay*. [baiklah] [mengangguk]
- WA : **Dimanakah, tuan lahir dan dibesarkan?**
- NA : Di kampung Geting.
- WA : Kampung Geting ye...
- NA : *Aah*... [mengangguk]
- WA : **Siapakah ibu bapa tuan?**
- NA : Ibu bapa orang kampung Geting juga, nama penuh.
- WA : *Aah*... [mengangguk]
- NA : Nama penuh?
- WA : Ye boleh.
- NA : Nama penuh Zainab Binti Isa nama mak, Nik Abdullah Bin Imir [bunyi motorsikal lalu lintas] nama bapak, ayah.
- WA : *Okay*... [baiklah]

- WA : Apakah perkerjaan ibu bapa tuan?
- NA : Kerja sendiri.
- WA : Kerja Sendiri ye...
- NA : *Aah...* [mengangguk] orang kampung *ni* [ini] nelayan *deh* [kan].
- WA : *Hmm...* nelayan...
- NA : Pelaut
- WA : *Okay...* [baiklah] [mengangguk]

- WA : Boleh ceritakan sedikit tentang adik beradik?
- NA : [Bunyi kenderaan lalu lintas] Boleh, adik beradik ada *lima* [5] orang, *sore* [seorang] orang betina, perempuan lah, selebihnya lelaki. Semua *ena – ena* [enam – enam] *laki* [lelaki], enam adik beradik tu lelaki dikir barat *belako*. [semua] [bunyi burung]
- WA : *Ooh...* [mengangguk]
- NA : *Takda* [tiada] seorang pun, kecuali orang betina... [bunyi kenderaan]

- WA : Tuan ad-, tuan adalah anak ke berapa daripada jumlah keseluruhan adik beradik?
- NA : Anak pertama, sulung.
- WA : Anak pertama sulung eh?
- NA : Ye...
- WA : *Okay.* [baiklah]

- WA : Bagaimana dengan hubungan tuan dengan keluarga tuan?
- NA : *Okay* [baik] *lar ni* [sekarang ini] *takda* [tiada] masalah.
- WA : Tiada masalah...
- WA : Adakah tuan sudah berkahwin?

NA : Dah *kawen* [kahwin] dah, anak *lima*. [5]

WA : Anak *lima* [5] eh?

NA : *Haa...* [mengangguk]

WA : **Siapakah nama isteri tuan?**

NA : Yusnani binti Nasir.

WA : **Adakah tuan Bersama isteri dikuarniakan cahaya mata?**

NA : *Haa...* [mengangguk] *lima ore* [5 orang], lima orang cahaya mata.

WA : *Haa...* [mengangguk]

WA : **Adakah anak tuan sudah mendirikan rumah tangga?**

NA : Belum lagi.

WA : Belum lagi *hehe* [ketawa].

NA : *Haa...* [mengangguk]

WA : *Okay...* [baiklah]

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN

WA : *Okay [baiklah], ini sejarah ye. Tuan belajar sampai tahap berapa?*
NA : Tingkatan *lima* [5].

WA : **Bilakah tarikh tuan mula bersekolah?**
NA : *Apa ye... [berfikir] Sembilan belas sembilan puluh* [1990].
: *Sembilan belas Sembilan puluh...* [menulis]
: *Hmm...* [mengangguk]

WA : **Boleh tuan berkongsi sedikit tentang sejarah pendidikan di zaman sekolah rendah?**
NA : *Tak* [tidak] ingat lah, *lamo* [lama].
WA : **Haha** [ketawa].
MH : Nama sekolah rendah...
NA : Nama sekolah rendah? Nama sekolah rendah Sekolah Kebangsaan Geting.
WA : Sekolah Geting...
NA : *Haa...* [mengangguk] [Wan Amirul batuk], sekolah Kebangsaan Geting...

WA : **Apa yang tuan akan buat dalam mas- dalam ruang masa tuan dalam sekolah rendah? *Buat bende ni...* [tunjuk tangan]**
NA : Bagaimana *tu* [itu], *camtu* [macam itu].
WA : Buat masa lapang.
MH : Masa lapang tuan semasa...
WA : Sekolah rendah?
NA : Sekolah rendah?

- MH : *Time* [masa] sekolah rendah?
- NA : *Time* [masa] sekolah tu haa... banyak aktiviti dikir barat dah.
- WA : Dikir barat *ehh...* [ye]
- NA : *Aah* [mengangguk] masa time sekolah rendah *tu* [itu] *duk* [buat] dikir barat dah, sukan – sukan lain *tu* [itu] tidak minat mana, minat – minat bola *tu* [itu] minat, sukan lain *tu* [itu] *takde* [tidak ada], dikir barat.
- WA : **Ada anugerah *tak* [ke] semasa sekolah rendah?**
- NA : Ada anugerah- anugerah dikir barat.
- WA : *Ooh...* [mengangguk] anugerah dikir barat lah?
- WA : Anugerah dikir barat...
- WA : **Bolehkah tuan memberi sedikit pengalaman semasa sekolah menengah?**
- NA : Pengalaman sekolah menengah? Saya dulu Sekolah Menengah Kebangsaan Geting, pernah mewakili pertandingan dikir barat kebangsaan.
- WA : *Pastu* [masa itu] sangat aktif ke?
- NA : *Aah...* [mengangguk] masa itu sangat aktif dah *tu* [itu], di taman tasik titiwangsa masa *tu* [itu].
- WA : **Boleh *tak* [ke] tuan berkongsi sedikit tentang memori semasa zaman persekolahan?**
- NA : Masa *tu* [itu] *glamour* [popular], orang kenal *belaka* [semua], sampai ke *lar ni*. [sekarang ini]

- WA : **Disebabkan tuan seorang dikir barat betapa pentin- penting ke masa zaman sekolah?**
- NA : Aah... penting, sangat penting, kalau ada pertandingan *tu* [itu] saya *tak* [tidak] pergi *tak* [tidak] sedap duduk lah *jakgi*. [sekejap lagi]
- WA : *Ooh...* [mengangguk]
- NA : Risau – risau takut *ado* [ada] sakit demam ke *an*? [kan]
- WA : *Hmm...* [mengangguk]

- WA : **Berapa kerap tuan berasa terlibat dalam kelas? Semasa sekolah menengah?**
- NA : Macam mana?
- WA : Maksudnya macam sekolah, kan sekolah menengah, kan ada kelas semua *tu* [itu], terlibat *tak*. [tidak]
- NA : Masuk kelas, *haa...* [mengangguk] masuk kelas
- WA : Maksudnya semua buat lah?
- NA : *Aah...* [mengangguk] semua buat, *time* [masa] seni, Pendidikan Seni *tu* [itu] *tubik* [keluar] dikir barat dah.
- WA : *Ooh...* okok. [baiklah]
- NA : Aah... masa pelajaran lain *bereh*, [baik] *okay*. [baiklah]

- WA : **Bagaimana tuan menilai kualiti pendidikan semasa sekolah rendah? Bagus *tak* [tidak]?**
- NA : *Okay ah.* [baiklah]
- WA : *Okay ah?* [baiklah]
- NA : Haa... *okay ah.* [baiklah]

- WA : Adakah menyambung belajar tahap tinggi adalah penting bagi tuan? Tahap tinggi macam *U* [universiti] ke?
- NA : Adakah ia penting? Tapi *dak* [tak] sampai tahap *tu* [itu] *je* [sahaja] *tak leh* [tidak boleh] pergi dah, kalau ikutkan penting jugak *deh* [kan]. [motorsikal hon]
- WA : Adakah tuan masuki seminar atau latihan untuk menambah baik kemahiran dikir barat?
- NA : Haa... masuk, haa... masuk, ada tahun berapa dah *tak* [tidak] ingat dah, lama dah.
- WA : Masuk *eh*? [ye]
- NA : Masuk, zaman arwah, arwah Megat Nordin. *Haa...* [mengangguk] masuk, tahun berapa *tak* [tidak] ingat, lama dah.
- WA : *Haha* [Ketawa].
- WA : Bagi pendapat tuan lah, adakah penting untuk mendapat guru dalam dikir barat?
- NA : Mendapat guru *tu* [itu] sangat penting, dia *kena* [harus] ada guru, dikir barat *takde* [tiada] satu sekolah, kita belajar *takde* [tiada] guru *nak* [mahu] pandai *gano* [macam mana]. kita *kena* [supaya] ada guru baru pandai.

- WA : Apakah sumber atau perkhidmatan sokongan yang telah gunakan- yang telah tuan gunakan masa zaman persekolahan?
- NA : Apa benda?
- WA : Sokongan atau sumber dalam zaman persekolahan.
- NA : *Camna tu* [macam mana itu]
- MH : Sokongan maksudnya.
- NA : *Camana tu* [macam mana itu]
- MH : Macam ibu bapa ke.
- NA : Ada sokongan.
- WA : Sokongan *gitu* [macam itu]
-
- WA : Penambah baikan, apakah yang tuan boleh fikir untuk menyokong pendidikan dan latihan dalam seni dikir barat, dalam zaman sekolah?
- NA : Penambah baikan *tu* [itu].
- WA : *Nak* [mahu] tambah baik dikir barat dalam zaman sekolah.
- NA : Tambah baik- pada *tu* [itu] persembahan.
- WA : Persembahan...
- NA : Tarian – tarian, untuk menambah baik, membuat suara *ni* [ini] sama *je* [sahaja] *belako* [semua], cara- lebih pada tarian.
- WA : Lebih tari-
- NA : Tarian.

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: PENGALAMAN PENDIDIKAN SENI

WA : *Ni* [ini] soalan bahagian C, apakah pengalaman pendidikan seni- apakah yang menggerakkan hati tuan untuk memasuki dalam bidang seni dikir barat?

NA : Dia *ni* [ini], angin orang kata, angin.

WA : Angin?

NA : Kita darah seni, daripada tok nenek lagi minat dah jadi turun menurun lah kata, walaupun kita *tak* [tidak] minat *tara* [setara] mana pun, dia ada angin akan jadi minat, *gitu* [macam itu] lah. Orang seni *tak* [tidak] kira lah silat *ko* [ke] mak yong *ko* [ke], die pergi dengan angin, dia atas keturunan kita.

WA : Bagaimanakah sambutan seni dikir barat pada waktu tuan mula?

NA : Masa *tu* [itu], *mema* [memang] banyak lah sambutan *tu* [itu] *mema* [memang] terbaiklah kata.

WA : Terbaik...

NA : *Banyak – banyak* [banyak – banyak], lepas pada *tu* [itu] ada sambutan *situ* [di situ] ada sini di, istana.

WA : Istana...

NA : Istana kita *giye* [bahagian], *mema* [memang] banyak lah penah *gi* [pergi].

WA : **Adakah tuan ingat pada lokasi yang pertama dalam- lokasi pertama adakan seni dikir barat**

NA : Lokasi pertama- kalau *tak* [tidak] silap *kuala lupu*. [Kuala Lumpur]

WA : Kuala Lumpur?

NA : ---Pertama buat persembahan *tu* [itu], lepas pada habis sekolah, habis jemputan pertama di *kuala lupur* [Kuala Lumpur] di- stadium *tak* [tidak] ingat dah, stadium badminton *garanya*, [rasanya] ada persembahan *gitu* [macam itu]- *tak* [tidak] ingat dah. Masa *tu* [itu] pada tahun *dua ribu- lima ke dua ribu ena*. [2005/2006]

WA : Lama jugalah.

WA : **Adakah tuan mengikuti Pendidikan sekolah dalam bidang se- seni ini?**

NA : *Haa...* [mengangguk] pernah

WA : Jika pernah bolehkan tuan memberi tahu tentang itu?

NA : Masa Pendidikan Seni?

WA : *Haa...* [mengangguk] masa zaman sekolah.

NA : Masa zaman dulu saya minat melukis, minat melukis, lepas pada *tu* [itu], ada satu hari *tu* [itu] cikgu tanya minat *tak* [tidak] dikir barat.

WA : *Ooh...* [mengangguk]

NA : Lepas *padatu* [pada itu] lah- cikgu *try – try – try – try – try – try* [cuba] boleh, *sapa* [sampai] ke *lar ni*. [sekarang ini]

WA : **Adakah bidang seni dikir barat penting dalam pendidikan sekolah?**

NA : Seni dikir barat *tu* [itu], biasalah, tidak penting mana *deh* [kan], dalam sekolah kan, *gitu lah*. [macam itu lah]

WA : **Adakah bidang seni dikir barat penting dalam pendidikan sekolah?**

NA : Seni dikir barat *tu* [itu], biasalah, tidak penting mana *deh* [kan], dalam sekolah kan, *gitu lah*. [macam itu lah]

- WA : **Dalam pendapat tuan tahap manakah yang patut artis dalam seni bidang ini perlu belajar?**
- NA : Sampai ke tahap lebih tinggi.
- WA : Tahap tinggi *eh*? [ye]
- NA : Tahap lebih tinggi lah untuk- dia dikir barat *ni* [ini] dia- generasi ke generasi kan, dia akan bertukar *sokmo* [sentiasa] ibarat kata lagu yang sama kan orang dah puas dengar kita *kena* [harus] lagu lain pula, dia *kena* [harus] bertukar – tukar – tukar *gitu*. [macam itu]
- WA : *Okay*. [baiklah] [mengangguk]
- NA : *Pahe* [faham] *dak*. [tidak]
- WA : *Pahe – pahe...* [faham – faham]
-
- WA : **Berapa pentingkah untuk tuan terus belajar dan meningkatkan kemahiran tuan sebagai seorang artis?**
- NA : Dia banyak peringkat sebenarnya, haa... dia banyak peringkat daripada bawah pergi ke atas – atas – atas – atas __ [motorsikal lalu lintas] tidak semestinya, tidak semestinya kita membuat album- kita buat banyak persembahan macam tempat *bewah* [kenduri] ke- apabila orang minat dengan kita, orang minat dengan suara kita, orang akan panggil, *tu* [itu] lah kita akan pergi lebih tinggi *tu* [itu] sebenarnya, tapi dalam dikir barat *ni* [ini] dia banyak jenis, dia banyak *dale* [dalam] Tok Jogho, penyanyi dan Tukang Karut dia tiga jenis dikir barat *ni* [ini]. Nama satu dia dikir barat tapi dia ada pecahan dia, semasa membuat persembahan *ni* [ini] dia akan- dia mulakan dengan persembahan Tok Jogho dulu- persembahan daripada Tok Jogho lepas pada *tu* [itu] Tukang Karut, Tukang Karut buat persembahan dia, lepas Tukang Karut buat persembahan dia, tukang nyanyi pulak. Sebelum nak pergi ke *last* [terakhir], *last* [terakhir] aah... *apani* [apa ini]- dikir barat *tu* [itu], *Wau Bule* [Wau Bulan] penutup lagu penutup. Dia banyak peringkat. Tok Jogho, Tukang Karut, penyanyi. [bunyi kenderaan lalulintas] [tokoh batuk]

- WA : Adakah tuan merasakan bahawa peringkat pada zaman sekolah tuan telah menyediakan tuan dengan secukupnya untuk kerjaya dalam bidang seni ini?
- NA : *Gana – gana...* [macam mana]
- WA : Maksudnya, dalam zaman sekolah.
- NA ; *Haa...* [mengangguk]
- WA : Sekolah *ni* [ini] telah sediakan.
- MH : Menyediakan untuk apa – apa- untuk- untuk karya dan seni dikir barat.
- NA : *Tak dak - tak dak.* [tiada - tiada]
- MH : Sediakan cikgu ke ataupun-
- WA : Aah... ada – ada – ada – ada menyediakan *cigu* [cikgu]- zaman *tu* [itu] arwah dah arwah Mergat Nordin, arwah Zaidi __[Bunyi kenderaan lalu lintas] pernah mari, untuk latih saya *masatu* [masa itu], tahun 2000 *tak* [tidak] silap.
-
- WA : Apakah yang mendorong tuan untuk- untuk- apakah yang mendorong tuan untuk meneruskan dalam seni dikir barat ini?
- NA : Mendorong?
- WA : Mendorong... yang-
- NA : *Mace* [macam]- *apani* [apa ini]- anak *ko* [ke].
- WA : *Tak* [tidak] yang membuatkan- tuan rasa *cam* [macam] nak teruskan lagi- teruskan lagi apa yang buat *camtu*. [macam itu]
- NA : Ooh... macam kita buat pelapis lah, anak – anak buah *bisa* [hebat] katakan, saya pun, saya umur cukup umur saya dah sudah buat dikir barat *ni* [ini] akan turun kepada anak buah pula, haa... turun menurun lah *tu* [itu].
-
- WA : Apakah cabaran yang tuan telah hadapi untuk meneruskan pendidikan seni dikir barat dan bagaimana tuan mengatasinya. Cabaran?
- NA : Banyak cabaran banyak, kalau *nak oyak* [mahu cakap] *haha* [ketawa] banyak beri cabaran, *hok* [yang] cabaran – cabaran, dugaan – dugaan banyak lah, tapi tanda

semangat, semangat dengan kita – kita boleh atasi **belako** [semua] dengan cabaran – cabaran **tu** [itu].

- WA : Ooh... **okay** [baiklah], banyaklah?
NA : Haa... banyaklah.

- WA : **Bagaimana tuan mengimbangi usaha dalam seni dikir barat ni** [ini] dalam tanggungjawab yang lain?
NA : Kalau dengan masa sekarang **ni** [ini] **deh** [kan]? Kalau masa **lar ni** [sekarang ini] saya akan **duk** [duduk] berat atas dikir barat, **pastu** [selepas itu] kerja lain pon berat juga tapi, dikir barat **ni** [ini] boleh dikatakan **tiap – tiap** [setiap – setiap] malam.
WA : **Tiap – tiap** [setiap – setiap] malam...
NA : Orang dikir barat **ni** [ini] tidak semestinya semuanya kaya, tapi kebanyakan orang dikir barat **ni** [ini] ada ja pertandingan dikir barat ada duit dia haa... **gitu** [macam itu], **mace** [macam] kita keja **gini** [macam ini] **make** [makan] **bule** [bulan] makan gaji **bule** [bulan], untuk pendapatan harian dikir barat.

- WA : **Apakah tuan rasa dengan teknologi dalam seni dikir barat?**
NA : Haa... teknologi seni dikir barat baru **takda** [tiada], moden lah.
WA : Cuma...
NA : Semua tradisi lama lagi lah- yang baru **lar ni** [sekarang ini], **tak** [tidak] pernah orang buat dikir barat tambah dengan dram **takde**. [tiada]
WA : Sama lah?
NA : Sama lagi, sebab warisan dulu kita **takkan** [tidak akan] buat, semua dikir barat Kelantan **ni** [ini] dia akan buat mersyuarat bersatu, kita **takkan** [tidak akan] pupus dalam dikir barat **ni**. [ini]

- WA : Bagaimanakah tuan- [Bunyi kenderaan lalu lintas] bagaimakah tuan mengukur kejayaan dan kemajuan tuan sendiri dalam bidang seni ini?
- NA : Maksudnya?
- MH : Maksudnya macam tahap.
- NA : Tahap mana?
- WA : Tahap mana- Berjaya dalam bidang ini?
- NA : Dalam bidang *ni* [ini] saya berjaya dalam peringkat Asean, pertandingan seluruh, Singapura, Thailand- peringkat paling tinggi lah *tu* [itu], kebangsaan *tu* [itu] tinggi dia lagi, Asean- saya pernah johan dalam pertadingan peringkat Asean, saingan paling hebat di Singapura, saingan dia hebat, dia *tu* [itu] memukau penonton Singapura, kita *ore* [orang] Kelantan *ni* [ini] pergi rasa boleh- tapi kerana dikir barat *ni* [ini] *mari* [datang] daripada *kelate* [Kelantan] jadi, kita ada semangat anak *kelate* [Kelantan] lah- *tu* [itu] boleh juara *tu* [itu].
- WA : Juara?
- NA : Haa... juara.

- WA : Dalam pendapat tuan, sejauh manakah artis seni perlu membiasakan diri dengan sejarah dikir barat?
- NA : Seni *gana*? [macam mana] [ketawa]
- MH : Rasa penting *tak* [tidak] untuk artis *ni* [ini] perlu membiasakan diri dengan sejarah seni dikir barat?
- NA : Sejarah *tu* [itu] penting sebab kita *nak* [mahu] main peranan dengan penonton, kalau kita buat muka biasa jadi- kita *kena* [harus] jaga juga lah- penting juga lah.

- WA : Pernahkah tuan berkerjasama dengan artis atau professional lain di luar bidang seni dikir-
- NA : Pernah.
- WA : Pernah? Kalau pernah bagaimana kesan itu memberi pada tuan?
- MH : Pada baru – baru *ni* [ini] saya pernah bergabung dengan datuk D.J. DAVE.

WA : Dj?
NA : Haa... D.J. DAVE, dikir barat dengan D.J. DAVE, *pastu* [lepas itu] pada tahun 2012, 2012 *tu* [itu] saya pernah dikir barat dengan sekumpulan Raihan, dengan datuk *aah...* [bingung] apa *ni* [ini], Ramli Sarip.

WA : Ramli Sarip?
NA : Haa... di stadium, pada tahun 2012, masa *tu* [itu] tahun melawat *kelate* [Kelantan] masa melawat *kelate* [Kelantan] saya bergabung, datuk Ramli Sarep, kumpulan Raihan, *pastu* [lepas itu] Datuk Hatan- ramailah.

WA : Adakah tuan mempunyai- mempunyai pelajar yang masih berlajar dengan tuan dalam seni dikir barat?

NA : Ada.
WA : Ada?
NA : Ada.

WA : Apakah nasihat yang tuan berikan untuk pelajar yang mempertimbangkan untuk meng- mengikuti pendidikan formal?

NA : Nasihat *ni* [ini] untuk *kena* [harus] diri jaga – jaga lah *molek* [baik], *molek* [baik] sendiri *deh-* [kan] sebab *takda* [tiada] dah *ore* [orang] *hok* [yang] boleh buat, budak – budak muda *lar ni* [sekarang ini] jarang minat dikir barat, kebanyakan *lar ni* [sekarang ini] main *game* [permainan] [ketawa] TikTok [ketawa]- dikir barat *takde* [tiada], kalau boleh jangan- biar ada *sokmo* [sentiasa], ada *sokmo* [sentiasa] pelapis, walaupun *sore* [seorang] *ko* [ke] *due* [dua] *ore* [orang] *ko* [ke] biar ada orang kata dikir barat *ni* [ini] serupa- ibarat dikir barat *ni* [ini] *takda* [tiada] ibarat tidak pupus la. Macam dulu, pernah dengar *tak* [tidak] dikir labo?

WA : Dikir labo?
NA : Dikir labo *ni* [ini], sebelum tubik dikir barat *ni* [ini] dia dikir labo dulu, dikir labo *ni* [ini] dia *takdak* [tiada] musik, dia hanya suara sahaja- hanya suara sahaja *tu*

[itu] dia- pertandingan dikir labo *ni* [ini] dia hanya *nak* [mahu] dengar suara jerit *muse.* [musang]

WA : Musang?

NA : Jerit musang *tu* [itu]- contohnya dia *tepik* [jerit] dia masa tempat tinggi dia *tepik* [jerit] tinggi *gitu* [macam itu], apabila pupus dikir labo, *tubik* [keluar] dikir barat- tapi *lar ni* [sekarang ini] ada lagi dikir labo dalam dua tiga kumpulan *tu* [itu] ada lagi dalam Kelantan *ni* [ini], tapi kalau boleh *tak sih* [tidak mahu] lah pupus macam *tu* [itu] *deh* [kan], kalau boleh ada *sokmo* [sentiasa], *lar ni* [sekarang ini] dikir barat dalam Kelantan *lar ni* [sekarang ini] ada, *tak* [tidak] silap saya ada dalam 68 pasukan dalam Kelantan sahaja. *Tak* [tidak] silap saya 68 pasukan, kalau termasuk dengan *kuala lupur* [Kuala Lumpur] ada dalam 150 *tak* [tidak] silap- sampai *kat* [dekat] Kuala Lumpur. Budaya Kelantan kita bawa sampai ke Kuala Lumpur, jadi rasa bangga lah kita *ni* [ini], orang Kelantan *ni* [ini] rasa bangga sebab dikir barat *ni* [ini]. Singapura pun ada, Singapura ada dalam 20 pasukan, Singapura, saya tahu lah, kalau lebih *tu* [itu] saya *tak* [tidak] tahu, sebab saya tahu *ni* [ini] dalam 20 pasukan, Singapura. Jadi, kita sebagai Kelantan *ni* [ini] rasa bangga lah sebab dikir barat *ni* [ini] boleh pergi ke luar negara *deh* [kan]. Ada Singapura, Thailand *tu* [itu] biasa lah, Thailand *tu* [itu] tempat dia pon ada, tapi dia *tak* [tidak] sama, Thailand dengan Malaysia *ni* [ini] dia *tak* [tidak] sama. Singapura dengan Malaysia *ni* [ini] sama. Sama, Cuma dia *ni* [ini] tarian dia lah comel, tarian dia. Kalau suara sama *je* [sahaja] Malaysia dengan Singapura.

WA : Bagaimakah tuan melihat peranan pendidikan formal dalam seni berkembang untuk masa hadapan?

NA : *Kena* [harus] tengok *gi* [pergi] lebih maju lah dikir barat *ni* [ini], ada [batuk] *lar ni* [sekarang ini] pun ada sambutan dah *deh* [kan] dikir barat- *tak* [tidak] silap, di Melaka akan buat bulan 9 ataupun bulan 9 tahun depan ada buat- *apani* [apa ini], penggendangan sedunia pada tahun 2019 saya pernah *gi* [pergi] dah di Melaka untuk penggendangan sedunia lepas pada *tu* [itu] tahun 2020 *nak* [mahu] pergi *tak* [tidak] boleh sebab pandemik kovid kan? *Tak* [tidak] boleh *nak* [mahu] *gi*-

[pergi] pastu tunda ke tahun *ni* [ini], tahun *ni* [ini] pun *tak* [tidak] *leh* [boleh] *nak* [mahu] *gi* [pergi] sebab pilihan raya- insyaallah tahun depan akan pergi pula di Melaka.

WA : Melaka...

NA : *Hmm...* [mengangguk]

TAMAT BAHAGIAN C

BAHAGIAN D: PENGALAMAN KERJAYA

MH : Bahagian D *pasal* [tentang] pengalaman kerjaya. Apakah kerjaya Tuan selepas tamat pengajian?

NA : Dikir barat lah, selepas tamat pengajian *tu* [itu] mintak juga kerja lain tapi *tak* [tidak] boleh jadi saya pun rasa kita ini sayang nak tinggal kampung *ke* [kan], *bokali* [betul lah tu] kira tempat luar pun ada tempat dikir barat deh [kan] tapi tidak *serupolah* [sama lah].

MH : *Time* [masa] tamat pengajian berapakah umur Tuan?

NA : Masa tu [itu] umur tujuh belas [17].

MH : Sudah berapa lamakah Tuan bergiat aktif dalam dikir barat?

NA : Bergiat aktif dalam dikir barat ini selama tahun Sembilan belas Sembilan puluh tujuh [1997] [bunyi motorsikal] *sapa ko* [sampai ke] *ni lah* [sekarang] [bunyi lori].

MH : Kenapa Tuan mahu belajar dikir barat?

NA : Minat angin *erh* [lah] dengan minat sakni [tadi].

MH : Dengan siapakah Tuan mula-mula *dulu* [dahulu] belajar, berguru dalam dikir barat?

NA : Dengan berguru dulu, Rozi Kembang Berduri *ho* [ya] Rozi Kembang Berduri *lepas* [selepas] pada itu arwah Hasan Sri Panggung. Selepas pada itu barulah Megat Nordin Zaidi, pernahlah ramailah guru.

MH : Apakah yang Tuan pelajari dahulu sewaktu menuntut ilmu dengan guru Tuan?

NA : Vokal *hum* [ya dalam nada mengiakan].

MH : Siapakah yang memberi inspirasi untuk Tuan teruskan dalam dikir barat?

NA : [bunyi motorsikal] Keluarga lah *hum* [ya dalam nada mengiakan] *jong* [yang] bagi semangat *ke* [kan], teruskan-teruskan.

MH : Kenapakah Tuan kagum dengan Guru Tuan?

NA : Sebab *kita* [merujuk kepada dirinya] dari kecil, daripada kita tidak pandai sampai kita pandai, itu rasa bangga lah sebab ada guru *ke* [kan].

MH : Bolehkah Tuan ceritakan ciri-ciri khas untuk menjadi dikir barat berjaya macam Tuan?

NA : Contohnya?

MH : Macam ciri-ciri untuk menjadi dikir barat, mesti banyak berlatih ke.

NA : *Kena* [mesti] banyak berlatih lah, banyak orang kata berlatih ini mesti kuat kalau tidak ada latihan pun tidak ada juga [bunyi burung] serupa kita nak bertanding *ke* [kan] kita latihan *sokmo* [selalu] *ho* [ya] latihan suara lah.

MH : Bagaimanakah Tuan biasanya memilih cerita yang akan disampaikan kepada pendengar ataupun penonton?

NA : Dia jalan cerita dia *gini* [begini] kita nak pergi buat persembahan, tempat *tuh* [itu] atas *ore* [orang] *madoh* [jempuatin] *madoh ni gano erh* [jemputan ini macam mana ya]?

- MH : Orang jemput.
- NA : Ya *ore* [orang] jemput kita berkenaan dengan tema *gapo* [apa] kalua tengok tema ini negara, kita *kena* [mesti] hurai *pasal* [tentang] negara lah, kalua tema *pasal* [tentang] apa ini dadah, kita *kena* [mesti] hurai tentang dadah, berkenaan dengan tema lah.
- MH : Apakah teknik yang Tuan gunakan dalam nyanyian untuk membuatnya lebih menarik?**
- NA : Persembahan kiita ataupun apa ini *soro* [suara] itu lebih tinggilah untuk menarik perhatian kita, *gano erh nok oyak* [macam mana ya nak bagitahu] payah nak *oyak* [bagitahu] [bunyi motorsikal] vokal kita lah ataupun kemerduan suara.
- MH : Bagaimanakah Tuan memastikan bahawa lagu Tuan menarik dan relevan bagi penonton masa kini?**
- NA : Contoh loni [sekarang] lagu *gapo* [apa] viral *haa* [ya] lagu apa *hok* [yang] paling viral tapi kita balik ke Bahasa Kelantan ataupun Bahasa dikir barat *haa* [ya] begitulah.
- MH : Apakah peranan imajinasi dalam menyampaikan dikir barat?**
- NA : Makdusnya?
- MH : Macam untuk membuat lagu ke ataupun untuk menyanyi ke.
- WA : Macam ini, inspirasi untuk membuat dikir barat, macam bila tengok pokok itu ke boleh nyanyi terus.
- NA : [riaksi teruja] Itu bidang tukang karut itu, *ho* [ya] tukang karut ini dia tengok orang itu dia boleh hurai dah, dia banyaklah [bunyi motorsikal] dalam dikir ini dia ada tiga kan, Tok Jogho, Tukang Karut, penyanyi. Penyanyi ini dia *gi* [pergi] dengan ada lagu dah dia nak sampaikan, tukang karut ini tidak ada lagi. tidak ada

mari [datang] dalam *palo* [kepala] apabila *ore oyak* [orang bagitahu] tajuk ini masa itu lah dia hurai, nampak baju, dia hurai baju, nampak pokok dia hurai pokok, itu lah orang kata Tukang Karut ini *kena* [mesti] lebih staminalah orang kata.

- MH : Bagaimana Tuan memastikan nyanyian Tuan bermanfaat dan memberikan pesan moral yang positif?
NA : Atas [berdasarkan] lirik lagu.

- MH : Apakah yang membuat nyanyian Tuan unik daripada nyanyian yang lain?
NA : Nyanyian yang unik?
MH : Ya.
NA : Kita buat lebih dari orang lain lah, kelainan daripada orang lain. Macam *lani* [sekarang] ada lagu kreatif dah *serupo dulu* [seperti dahulu] tidak ada lagu kreatif. *Haa* [ya] lagu kreatif sekarang lagu *slow* [perlahan] *pahtu* [selepas itu] dia pergi cepat *slow* [perlahan] ya itu jadi unik lah.

- MH : Bagaimanakah Tuan mendapatkan idea untuk dinyanyikan semasa persesembahan?
NA : Dia *mari dengan sendiri* [datang dengan sendiri], spontan *ho* [ya] spontan.

- MH : Bagaimana Tuan mempersiapkan diri sebelum melakukan persesembahan [bunyi motorsikal] kepada penonton Tuan?
NA : Sebelum kita memulakan persesembahan itu kita mesti *kemah* [kemas] pakaian kita, watak wajah kita lah untuk tarikan penonton, *jangan masam* [ekspresi muka]

mesti senyum dengan penonton ***gitulah*** [begitulah]. Kalau muka masam pun penonton ***tokse kelih*** [t tengok] [ketawa].

- MH : **Bagaimanakah Tuan melatih kemampuan Tuan semasa persembahan?**
- NA : Kuatlah latih diri itu, semasa nak ***gi*** [pergi] persembahan itu ***training*** [berlatih] lagi dalam kereta ***ho gitulah*** [ya begitulah]. Semangatlah itu, sebab itu orang kata angin dikir barat ini [ketawa] dia lain.
- MH : **Adakah Tuan pernah menghadapi kesulitan semasa ingin melakukan persembahan?**
- NA : Ada, jalan jem, [ketawa] bukan persembahan itu tapi pertandingan semua orang dikir duduk atas pentas dah ***tok sapa*** [tidak sampai] lagi, orang tukang karut tidak sampai lagi. ***ya serabuk*** [nada ingin ketawa] jalan jem ***hungga*** [lari] tinggal ***keto*** [kereta] pergi naik atas pentas.
- MH : **Bolehkah Tuan ceritakan pengalaman pahit manis sepanjang dalam dikir barat?**
- NA : ***Hok*** [Yang] pahit dulu ko [dahulu], ***ko manis dulu?*** [ke atau manis dahulu?]
- MH : Pahit dahulu.
- NA : Yang pahit dahulu itu saya mesti ibarat kata santau lah dalam dikir barat, orang dengki dengan kita sebab dikir barat, sampai saya tidak boleh jalan dua bulan. Ya kuat dikir barat ini betapa kalau kita pergi ke peringkat lebih tinggi ***hok tu*** [yang itu] orang dengki nak ***hambat*** [kejar] ***kita tok dey turut*** [tidak sempat kejar] kita, jadi dia buat cara itu nak suruh kita tidur, ***tok sey wi*** [tidak bagi] jalan tapi walaupun dalam masa begitu saya boleh nyanyi suara gagah tapi Tuan ***saja*** [sahaja] tidak boleh bangun selama dua bulan saya terlantar tidak boleh buat ***gapo*** [apa] makan boleh Cuma nak bangun tidak boleh, nak jalan tidak boleh selama

dua bulan, tapi kerana *saining-saining* [kawan-kawan] sahabat ramai kan tolong-tolong buat ini buat itu, alhamdullilah.

- MH : Yang manis pula?
- NA : Kalau yang manis pula, ibarat kata kalau kita pergi tanding [pertandingan] menang sokmo [sentiasa menang] tidak rajin kalah lah.

MH : Adakah Tuan berasa puas hati dengan apa yang Tuan lakukan sekarang?

NA : Rasa pun puas hati dah lah.

TAMAT BAHAGIAN D

BAHAGIAN E: ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

MH : **Bahagian E ini, anugerah dan pencapaian, berapakah anugerah yang pernah Tuan dapatkan sepanjang kerjaya Tuan?**

NA : Anggaran *deh?* [ya?]

MH : Ya.

NA : Anggaran dalam lima kali *dah* [sudah]. *Hok* [yang] lebih itu tidak ingat [ketawa]. Ada kalah ada menang *gonim* [benda ini].

MH : **Adakah Tuan ingat bilakah Tuan menerima anugerah pertama Tuan dalam bidang seni ini?**

NA : Anugerah pertama dua ribu empat *hok* [yang] ingat lah tahun dua ribu empat [2004].

